

14/10/2003

Ekspo buka pintu dagangan Islam: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Ekspo OIC 2003 yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, adalah landasan terbaik untuk mengembangkan perdagangan di antara negara Islam.

Perdana Menteri berkata, hubungan perniagaan dan perdagangan antara negara Islam yang sedia terjalin sejak bertahun lalu masih berpeluang untuk dikembangkan.

Katanya, urusan itu dapat diperluaskan menerusi hubungan antara negara Islam, meliputi permintaan berkekalan bagi perkhidmatan dan pelbagai produk.

"Masih banyak usaha perlu dilakukan untuk meneroka peluang yang ditawarkan ini," katanya dalam buku panduan Ekspo OIC 2003 yang dikeluarkan di sini semalam.

Dr Mahathir dijadual merasmikan ekspo itu hari ini di Presint 5, bersebelahan lokasi persidangan OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC).

Kira-kira 450 syarikat dari negara anggota OIC serta bukan negara OIC, termasuk China dan Korea Selatan menyertai ekspo yang pertama kali diadakan itu.

Ekspo enam hari dibuka secara percuma kepada orang ramai. Pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai produk keluaran tempatan dan negara Islam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bangga dapat menganjurkan ekspo itu buat kali pertama dengan penyertaan besar syarikat yang mewakili pelbagai sektor, sekali gus membolehkan pembeli berpotensi membuat pilihan.

Katanya, ekspo itu turut menyaksikan penyertaan syarikat antarabangsa dan tempatan yang mempamerkan produk terkini masing-masing.

"Saya bangga kerana dimaklumkan lebih 400 syarikat dari 30 negara, termasuk luar organisasi OIC menyertai ekspo kali ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi F & R Exhibition And Conference Sdn Bhd, Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal, berpuas hati dengan sambutan menggalakkan syarikat negara Islam dan bukan Islam.

Sehubungan itu, syarikat penganjur ekspo itu mahu usahawan dan masyarakat perniagaan tempatan tidak melepaskan peluang keemasan mengembangkan perniagaan.

Abu Bakar berkata, pihaknya sedia mengatur pertemuan ahli perniagaan tempatan dengan negara lain ketika pameran berkenaan untuk menghasilkan perkongsian perniagaan yang menguntungkan semua pihak.

"Setakat ini, kami sudah menerima beberapa pertanyaan beberapa negara berhubung perkara ini," katanya.